

Headline	20 universiti jalin k-sama UGC India		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	16 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	22,425	Readership	134,550
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	5	ArticleSize	108 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 214	PR Value	RM 642



## 20 universiti jalin k-sama UGC India

GEORGE TOWN: Sebanyak 20 universiti tempatan bersetuju menjalin kerjasama dengan University Grants Commission (UGC) India bagi mempergiatkan aktiviti pergerakan penuntut antara Malaysia dan India.

Antara universiti terlibat ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Teknikal Melaka Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Naib Canselor USM Prof Datuk Dr Omar Osman berkata USM selaku sekretariat

peneraju program kerjasama itu berharap dalam jangka masa panjang program itu dapat melaksanakan pertukaran kepakaran penyelidik, tenaga pengajar dan penawaran program pengajian.

"Ini kali pertama kerjasama antara institusi pengajian tinggi melibatkan kumpulan yang besar dan kami berharap dapat menemui perancangan strategik bagi meningkatkan aliran pertukaran pelajar antara kedua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pelan strategik pendidikan di sini kelmarin.

Beliau berkata seminar dua hari berakhir esok itu antara lain membincangkan hala

tuju pengajian tinggi bagi memperkukuh pembangunan nasional antara kedua negara dan input perbincangan akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan.

Tahun lepas 1,000 penuntut USM mengikuti program pertukaran pelajar jangka panjang dan pendek di universiti sekitar Eropah dan Asia termasuk India.

Sementara itu, Naib Pengerusi UGC Prof H. Devraj berkata usaha itu diharapkan dapat membantu meningkatkan produktiviti dalam bidang berkaitan dan menggalakkan percambahan idea baharu dalam bidang pengajian tinggi. -Bernama